

08 JAN 1999

Mahathir-TPM

PAK LAH DILANTIK TPM, DAIM KETUAI SEMULA KEWANGAN

KUALA LUMPUR, 8 Jan (Bernama) -- Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi telah dilantik Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengumumkan pelantikan itu selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi Umno di ibu pejabat parti itu di sini petang ini.

Beliau juga mengumumkan pelantikan Tun Daim Zainuddin sebagai Menteri Kewangan, jawatan yang pernah disandangnya dahulu.

Menteri Pertahanan Datuk Seri Syed Hamid Albar menggantikan Abdullah sebagai Menteri Luar manakala Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Abang Abu Bakar Mustapha mengambil alih portfolio pertahanan.

Timbalan Menteri Dalam Negeri Datuk Tajol Rosli Ghazali dinaikkan pangkat menjadi menteri penuh di Jabatan Perdana Menteri.

Dr Mahathir juga mengumumkan beberapa perubahan kecil melibatkan timbalan menteri.

Katanya semua pelantikan itu akan berkuatkuasa selepas diperkenankan oleh Yang Di-Pertuan Agong.

Abdullah, 59, menggantikan Datuk Seri Anwar Ibrahim yang disingkirkan daripada kabinet pada 2 Sept lepas kerana sebab-sebab moral.

Sejak itu, Dr Mahathir menghadapi tekanan untuk melantik seorang timbalan supaya tidak berlaku kekosongan sekiranya sesuatu terjadi kepadanya.

Dr Mahathir sebelum itu berkata bahawa untuk berlaku adil kepada semua pihak, beliau perlu menunggu sehingga selepas pemilihan parti sebelum menamakan Timbalan Perdana Menteri yang baru.

Abdullah, seorang daripada tiga naib presiden Umno, memang dianggap antara calon terkuat untuk jawatan itu. Yang lain ialah Menteri Pendidikan Datuk Seri Najib Tun Razak yang juga seorang lagi naib presiden Umno, dan bekas Menteri Kewangan Tengku Razaleigh Hamzah. (Seorang lagi naib presiden Umno Tan Sri Muhammad Haji Muhd Taib diberi cuti untuk menyelesaikan masalah peribadi.)

Pelantikan Abdullah sebagai Menteri Dalam Negeri pula dilihat sebagai satu langkah besar kerana portfolio berpengaruh itu sentiasa dipegang sendiri oleh Dr Mahathir.

Ia dianggap sebagai bukti kepercayaan terhadap Abdullah, seorang bekas anggota birokrat yang beralih ke bidang politik dan yang dilahirkan dalam satu keluarga pemimpin agama dan politik yang dihormati di Pulau Pinang.

Pelantikan Daim, 60, ke jawatan yang beliau lepaskan pada 1991 selepas membantu negara pulih daripada kegawatan ekonomi negara pada tahun 80an, tidak mengejutkan.

Ini setelah beliau dilantik semula dalam kabinet sebagai Menteri Tugas-tugas Khas tahun lepas bagi membantu menangani masalah kelembapan ekonomi pada masa ini.

Portfolio kewangan, yang sebelum ini disandang oleh Anwar selama tujuh tahun diambil alih oleh Dr Mahathir sebagai Menteri Kewangan Pertama selama lima bulan sebelum diserahkan semula kepada Daim.

Pelantikan Syed Hamid sebagai Menteri Luar merupakan satu kenaikan pangkat kerana Malaysia memainkan peranan penting di arena antarabangsa sejak Abdullah memegang jawatan itu.

Pengalaman Syed Hamid dalam pertahanan akan terus membantu Malaysia di barisan hadapan terutama di peringkat antarabangsa memandangkan Malaysia kini menganggotai Majlis Keselamatan Bangsa-bangsa Bersatu mulai awal tahun

ini.

Bagi Abang Abu Bakar, pelantikan beliau sebagai Menteri Pertahanan adalah ibarat pulang ke asal kerana beliau merupakan timbalan menteri pertahanan selama 10 tahun mulai 1981.

Pengumuman pelantikan baru itu merupakan hadiah Hari Raya kepada Senator Datuk Ibrahim Ali dan Anggota Parlimen Chenderoh, Datuk Nazri Aziz. Kedua-dua mereka dilantik timbalan menteri.

Ibrahim dipertanggungjawabkan di Jabatan Perdana Menteri manakala Nazri diletakan di Kementerian Kewangan.

Ibrahim mengambil alih tugas itu daripada Datuk Ibrahim Saad yang berpindah ke Kementerian Pengangkutan manakala Nazri menggantikan Datuk Affifuddin Omar yang akan berkhidmat di Kementerian Sumber Manusia.

Timbalan Menteri Pengangkutan Datuk Mohamad Ali Rustam bertukar tempat dengan Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman yang akan berpindah ke Jabatan Perdana Menteri.

Timbalan Menteri Sumber Manusia Datuk Abdul Kadir Sheikh Fadzir mengambil alih portfolio Tajol Rosli.

Dr Mahathir turut mengumumkan Menteri Kewangan Kedua Datuk Mustapa Mohamed mengekalkan jawatan itu dan Daim sebagai Menteri Tugas-tugas Khas.

-- BERNAMA

TM AAH LAT FAZ